

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) akan membenarkan calon dalam pilihanraya boleh menerima derma atau bantuan kewangan dari pihak luar negara dan jika boleh nyatakan kaedah-kaedah patut dipatuhi.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumber kewangan parti-parti politik atau calon-calon sama ada dari dalam atau luar negara adalah diuruskan sendiri oleh calon-calon atau parti yang diwakili mereka. Walaubagaimanapun, setiap parti politik yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) perlu mengemukakan laporan kewangan tahunan kepada jabatan tersebut tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966.

Sekian, terima kasih.